



UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
The National University of Malaysia

PEKELILING BENDAHARI BIL. 8/2020

**KADAR SEWA RUANG, KEMUDAHAN, CAJ PERKHIDMATAN
DAN PERALATAN UNIVERSITI**

TUJUAN

1. Pekeliling ini bertujuan untuk memberi panduan kepada Pusat Tanggungjawab (PTj) dan warga Universiti dalam menentukan kadar sewa ruang, kemudahan, caj perkhidmatan dan peralatan Universiti.

LATAR BELAKANG

2. Sejalan dengan inisiatif Universiti menggalakkan dasar penjanaan, PTj adalah digalakkan meningkatkan hasil melalui penyewaan ruang, kemudahan, perkhidmatan dan peralatan Universiti. Bagi memastikan kadar yang dikenakan bersesuaian kepada pelanggan, PTj hendaklah memastikan kadar yang digunakan adalah kadar yang diluluskan oleh Universiti.
3. Merujuk kepada peraturan kewangan yang telah dinyatakan melalui Pekeliling Bendahari Bil. 1/2017 Garis Panduan Kewangan dan Perakaunan UKM di bawah Perkara 41, Penetapan Kadar adalah di bawah bidang kuasa Jawatankuasa Tetap Kewangan (JKTK). Bagi melancarkan proses penetapan kadar, menyemak dan meluluskan kadar mengikut had yang telah diluluskan oleh JKTK terutamanya bagi sewa ruang, kemudahan, caj perkhidmatan dan peralatan Universiti, Jawatankuasa Polisi dan Penetapan Kadar (JPPK) telah ditubuhkan pada 1 April 2019.

PELAKSANAAN

4. Mesyuarat JKTK Bil. 4/2019 bertarikh 12 Disember 2019 telah meluluskan penurunan kuasa kepada JPPK bagi meluluskan kadar sewa dan caj seperti berikut;

- i. Sewa Ruang dan Kemudahan tidak melebihi RM10,000 seunit/penggunaan;
 - ii. Caj Perkhidmatan dan Peralatan tidak melebihi RM5,000 seunit/penggunaan; dan
 - iii. Kadar yang melebihi nilai yang dinyatakan adalah tertakluk kepada bidang kuasa JKTK.
5. PTj hendaklah menyediakan kertas kerja bagi kelulusan jawatankuasa di atas sebelum penetapan kadar dibuat kepada pelanggan. Cadangan penetapan kadar haruslah mengambil kira harga pasaran dan semua kos yang terlibat dalam pengenaan kadar ini.
 6. Semakan kadar sewaan yang telah diluluskan boleh dibuat melalui portal Jabatan Bendahari <http://www.ukm.my/bendahari/epanduan/panduan-pentadbiran/>.
 7. Semua kadar yang diluluskan akan dikemaskini sekiranya terdapat kadar baru diluluskan.

PENGUATKUASAAN

Pekeliling ini berkuatkuasa pada tarikh ia dikeluarkan dan hendaklah dibaca bersama **Pekeliling Bendahari Bil 02/2015 Kadar Sewa Ruang, Kemudahan dan Peralatan**.

Sekian, terima kasih.

“Akauntabiliti Pegangan Kita”

Yang benar,



NORINI BINTI MOHAMAD

Bendahari

Universiti Kebangsaan Malaysia

- s.k
- Naib Canselor, UKM
 - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
 - Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
 - Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Pelajar)
 - Timbalan Naib Canselor (Jaringan Industri, Alumni & Masyarakat)
 - Pro Naib Canselor (Penjanaan dan Prasarana)
 - Pro Naib Canselor (Strategi dan Pembangunan Korporat)
 - Pro Naib Canselor (Kampus Kuala Lumpur)
 - Pendaftar
 - Ketua Pustakawan
 - Penasihat Undang-Undang